



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TEKS KHUTBAH

Tajuk:

TERIMA KASIH AYAH

Tarikh Dibaca:

**4 ZULHIJJAH 1444H/
23 JUN 2023M**

Disediakan oleh:

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia



إدارة كمالو اسلام مليسيا
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

TERIMA KASIH AYAH
23 JUN 2023 / 4 ZULHIJAH 1444H

أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ﴾

يَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوًا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ عَلَيْهَا مَلَائِكَةٌ

غَلَاطٌ شِدَادٌ لَا يَعْصُونَ اللَّهَ مَا أَمَرَهُمْ وَيَفْعَلُونَ مَا يُؤْمَرُونَ ۖ (سورة التحريم 6)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ

وَسَلِّمْ عَلَى نَبِيِّنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ دَعَا بِدَعْوَتِهِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ

اللَّهُ، اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَنَفْسِي بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تَفْلِحُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Bertakwalah kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan kita sentiasa dalam naungan Allah SWT. Khatib mengingatkan para jemaah agar memberi sepenuh perhatian kepada khutbah yang akan disampaikan dan tidak melakukan perkara-perkara yang *lagha* seperti menggunakan telefon dan berbual-bual. Tumpukan perhatian pada khutbah yang akan disampaikan, mudah-mudahan kita semua mendapat hidayah dan taufiq dari Allah SWT.

Khutbah pada hari ini bertajuk: “Terima Kasih Ayah”.

Sebelum itu, khatib ingin mengingatkan sidang jemaah sekalian agar terus *istiqamah* mengimarahkan masjid, surau dan majlis-majlis ilmu, serta saling berpesan antara satu sama lain dalam usaha menyeru melakukan kebaikan dan memberi peringatan dalam mencegah sebarang bentuk kemungkaran.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Lelaki *Qawwam* adalah lelaki budiman yang mentaati Allah dan Rasul, berperanan sebagai pentadbir, pemimpin dan wali yang mampu menafkahi, melindungi, membimbing dan menyayangi keluarga dan insan sekelilingnya, secara berterusan dan aktif, selaras dengan syariat Islam. Keperibadian lelaki yang budiman merupakan tuntutan Islam dan ia merupakan sifat mulia yang dipuji oleh Allah SWT dalam al-Quran dan disebut dan ditunjukkan oleh Rasulullah SAW melalui hadis.

Seorang lelaki dipertanggungjawabkan terhadap empat golongan wanita di akhirat kelak, iaitu ibunya, isterinya, anak perempuannya, dan saudara perempuannya. Lelaki diamanahkan menjadi ketua keluarga sesuai dengan fitrah kejadiannya dan beberapa kelebihan lain berbanding wanita, sebagaimana yang disebutkan dalam firman Allah SWT Surah al-Nisa' ayat 34:

الرِّجَالُ قَوَّامُونَ عَلَى النِّسَاءِ بِمَا فَضَّلَ اللَّهُ بَعْضَهُمْ عَلَى بَعْضٍ وَبِمَا أَنْفَقُوا مِنْ أَمْوَالِهِمْ

Maksudnya: “Kaum lelaki itu adalah pemimpin dan pengawal yang bertanggungjawab terhadap kaum perempuan, oleh kerana Allah telah melebihkan orang-orang lelaki (dengan beberapa keistimewaan) atas orang-orang perempuan, dan juga kerana orang-orang lelaki telah membelanjakan (memberi nafkah) sebahagian dari harta mereka...”

Allah SWT telah menganugerahkan potensi kepimpinan kepada lelaki seperti keberanian, kekuatan agama, akal, rasional, tidak mudah didorong oleh perasaan, fitrah penciptaan lelaki, yang mana ia berbeza daripada wanita. Sehubungan itu, sesuai dengan potensi dan penghormatan begitu tinggi yang diberikan, maka kaum lelaki berkewajipan untuk menguruskan keluarga serta mengatasi persoalan dan krisis yang timbul dalam rumah tangga dengan penuh hikmah dan kebijaksanaan.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Lelaki sebagai bapa adalah nakhoda yang mengemudi kejayaan dan kesejahteraan bahtera keluarga. Dalam Islam, peranan bapa amat besar jika dilihat dari sudut pembentukan keluarga bahagia. Oleh sebab itu, Islam menggariskan kepentingan memelihara diri dan keluarga daripada seksaan api neraka. Ini sejajar dengan firman Allah dalam surah at-Tahrim ayat 6, sebagaimana yang telah dibacakan di awal khutbah tadi:

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا قُوا أَنفُسَكُمْ وَأَهْلِيكُمْ نَارًا وَقُودُهَا النَّاسُ وَالْحِجَارَةُ

Maksudnya: *“Wahai orang yang beriman! Peliharalah diri kamu dan keluarga kamu daripada api neraka yang bahan-bahan bakarannya ialah manusia dan batu (berhala)...”*

Bapa adalah ketua dalam keluarga dan rumahtangga yang sepatutnya bertanggungjawab memberi nafkah, kasih sayang, perlindungan, pendidikan dan bimbingan kepada anak-anak dan isteri dalam keluarga. Peranan dan tanggungjawab sebagai seorang bapa dalam sesebuah keluarga adalah sangat penting terutama memimpin dan membimbing keluarga ke jalan yang diredhai Allah SWT.

Ayat ini berbentuk perintah kepada bapa untuk menjaga diri dan keluarganya daripada api neraka. Dalam Islam, peranan dan tanggungjawab bapa sangat jelas. Suami atau bapa dianggap sebagai ketua keluarga yang diletakkan tanggungjawab memberi nafkah, kasih sayang, pendidikan dan bimbingan serta menjamin keselamatan dan kesejahteraan ahli keluarganya, iaitu isteri dan anak-anak supaya menjalani kehidupan yang berlandaskan prinsip Islam.

SIDANG JEMAAH YANG DIKASIHI SEKALIAN,

Jelas sekali bahawa peranan dan tanggungjawab sebagai bapa amat besar dalam Islam. Tanggungjawab bapa bukanlah terhad kepada penyediaan harta fizikal seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal, tetapi yang paling utama adalah mendidik dan mentarbiah jiwa anak-anak kerana kedudukan ibu dan bapa yang mendidik anaknya amat besar di sisi Allah SWT.

Dalam zaman sekarang sejajar dengan perubahan teknologi, tidak dapat dinafikan bahawa tanggungjawab membangunkan keluarga begitu mencabar. Peranan bapa menjadi lebih mencabar dan pendekatan dalam mendidik anak-anak turut berubah. Ini

kerana penyebaran maklumat tanpa batas dan penggunaan peranti teknologi canggih boleh membawa impak negatif sekiranya tidak dikawal.

Oleh kerana itu, bapa perlulah menunjukkan contoh yang baik dalam penggunaan gajet dan teknologi. Personaliti bapa dapat memberikan kesan positif kepada perkembangan anak-anak. Kewibawaan dan keteladanan ibu bapa dalam keluarga sangat menentukan pembentukan nilai-nilai agama, moral, sosial dan jati diri anak-anak. Disiplin dan kawalan dari ibubapa juga dapat membentuk personaliti yang baik dalam kalangan anak-anak serta membina konsep sendiri yang jitu.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Menjadi ketua keluarga bukanlah tugas yang mudah. Bapa adalah pejuang yang tak pernah kenal erti lelah, membanting tulang siang dan malam memeras keringat demi rezeki yang halal buat keluarga tercinta. Meskipun kehadiran seorang bapa, mungkin tidak selembut belaian kasih seorang ibu, namun ketegasan seorang bapa lah yang membentuk peribadi kita pada hari ini. Mari kita renungkan sejenak, bilakah kali terakhir kita mengucup, memeluk bapa kita dan mengucapkan terima kasih kepada mereka?

Sesungguhnya para lelaki adalah hero bagi membina keluarga yang sejahtera, kuat imannya, mulia akhlakunya dan teguh ekonominya. Sebuah keluarga yang bahagia mampu melahirkan masyarakat yang sejahtera kerana kehidupan setiap individu bermula di rumah atas didikan dan bimbingan seorang bapa. Jasa bapa kita wajar dihargai dan disyukuri. Tidak semua orang berpeluang menerima kasih sayang dari seorang bapa. Bagi yang masih hidup, maka teruslah menghargai dan berbakti kepada bapa kita manakala yang sudah meninggal dunia, panjatkan doa keampunan dan kesejahteraan buat mereka di alam sana.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, khatib menyeru kepada seluruh umat Islam supaya:

Pertama: Menghargai jasa dan pengorbanan insan bergelar bapa. Tidak hanya meraikan mereka pada Hari Bapa sahaja, malah pada setiap masa. Ucapkan terima kasih, berikan kasih sayang dan kerap hubungi mereka selagi mereka masih bernyawa. Buat mereka yang telah kehilangan bapa, kirimkan doa dan pahala buat mereka.

Kedua: Buat para lelaki ketua keluarga, berusaha untuk menjadi yang terbaik dalam melindungi, membimbing dan memimpin ahli keluarga ke arah kebahagiaan dunia dan akhirat. Jadilah *qudwah hasanah* dan suri teladan buat anak-anak dan keluarga.

Ketiga: Buat semua lelaki, berbuat baiklah kepada para wanita. Pelihara dan lindungilah wanita yang berada di bawah tanggungjawab kita. Contohilah Rasulullah dalam meneraju keluarga, menyeimbangkan tuntutan dakwah dan tanggungjawab terhadap keluarga. Kasih sayang yang ditonjolkan Rasulullah SAW kepada isteri dan anak-anak tidak menghalang baginda untuk memimpin dan berbakti kepada masyarakat.

Sabda Rasulullah SAW:

كَلِمَةُ رَاعٍ وَمَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، فَالْإِمَامُ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ، وَالرَّجُلُ فِي أَهْلِهِ رَاعٍ وَهُوَ مَسْئُولٌ عَنْ رَعِيَّتِهِ

Maksudnya: “Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya, seorang imam (ketua negara) adalah pemimpin dan dia bertanggungjawab terhadap rakyatnya dan seorang lelaki dalam keluarga adalah pemimpin dan bertanggungjawab terhadap pimpinannya (ahli keluarganya)”. (Hadis riwayat Imam al-Bukhari)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَاسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ، وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ النَّبِيِّ الْأَمِينِ، وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ الطَّاهِرِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ.
 أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمْرُكُمْ بِأَمْرٍ عَظِيمٍ، أَمْرُكُمْ بِالصَّلَاةِ وَالتَّسْلِيمِ عَلَى نَبِيِّهِ الْكَرِيمِ، فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ٥٦

اللَّهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ.

وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ وَعَنْ بَقِيَّةِ الصَّحَابَةِ أَجْمَعِينَ، وَعَنْ التَّابِعِينَ وَتَابِعِي التَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ وَارْضَ عَنَّا مَعَهُمْ يَا أَكْرَمَ الْأَكْرَمِينَ.
 اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ.
 اللَّهُمَّ أَيْدٍ بِدَوَامِ التَّوْفِيقِ وَالْهُدَايَةِ وَالصَّحَّةِ وَالسَّلَامَةِ جَلَّالَةَ مَلَكْنَا كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا يَغْ دَفْرَتَوَانِ اَكُوغْ، السُّلْطَانِ عَبْدِ اللَّهِ رِعَايَةَ الدِّينِ الْمُصْطَفَى بِاللَّهِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانِ حَاجِ أَحْمَدِ شَاهِ الْمُسْتَعِينِ بِاللَّهِ.

وَكَذَلِكَ كَبَاوَهُ دَوْلِي يَغْ مَا مَوْلِيَا سَرِي قُدُوكْ بِكِينْدَا رَاجِ فَرْمَايسُورِي اَكُوغْ، تُونُوكُو عَزِيْزُهُ أَمِيْنُهُ مِيْمُونُهُ إِسْكَنْدَرِيْهُ بِنْتِ الْمَرْحُومِ الْمُتَوَكَّلِ عَلَى اللَّهِ سُلْطَانِ إِسْكَنْدَرِ الْحَاجِّ.

اللَّهُمَّ احْفَظْ عُلَمَاءَهُ وَوُزَرَآءَهُ وَقَضَاتَهُ وَعُمَّالَهُ وَرِعَايَاهُ مِنَ الْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ بَلَدَنَا مَالِيزِيَا آمِنًا مُطْمَئِنًّا، سَخَاءَ رِخَاءٍ، دَارَ عَدْلِ وَإِيمَانٍ، وَأَمْنٍ وَأَمَانٍ،
 وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ.
 اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَدَمِّرْ أَعْدَاءَكَ أَعْدَاءَ الدِّينِ وَأَنْصُرْ مَنْ نَصَرَ الدِّينَ،
 وَأَخْذُلْ مَنْ خَذَلَ الْمُسْلِمِينَ، وَأَعْلِ كَلِمَتَكَ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.
 اللَّهُمَّ ادْفَعْ عَنَّا الْبَلَاءَ وَالْغَلَاءَ وَالْوَبَاءَ وَالْفَحْشَاءَ وَالْمُنْكَرَ وَالْمُنْكَرَ وَالْفِتْنَ، مَا ظَهَرَ مِنْهَا
 وَمَا بَطَنَ، مِنْ بَلَدِنَا هَذَا خَاصَّةً، وَمِنْ بُلْدَانِ الْمُسْلِمِينَ عَامَّةً، إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ.
 اللَّهُمَّ إِنَّا نَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ، يَا أَرْحَمَ
 الرَّاحِمِينَ.

Ya Allah! Dengan sifat-Mu Yang Maha Pemurah dan Maha Mendengar! Engkaulah yang Maha Berkuasa atas tiap-tiap sesuatu. Kami hamba-Mu yang lemah, merayu agar Engkau ampunkan segala dosa yang telah kami lakukan. Ya Allah! Cukupkanlah kami dengan rezeki yang halal dan jauhkanlah kami dari rezeki yang haram. Cukupkanlah kami dengan kurniaan-Mu dari bergantung kepada selain-Mu. Hindarkanlah kami dari sebarang fitnah, bala bencana, waba' penyakit, perbuatan-perbuatan keji dan munkar, seperti rasuah, salah guna kuasa dan hiburan yang melalaikan. Hanya kepada-Mu jua Ya Allah, tempat kami mengadu dan memohon pertolongan.

Ya Allah! Satukanlah kami atas agama-Mu dan hindarkan kami dari perselisihan serta perpecahan yang berpanjangan. Ya Allah! Tunjukkanlah kebenaran itu sebagai kebenaran, dan kurniakanlah kami kekuatan untuk mengikutinya (memperjuangkannya), dan tunjukkanlah yang batil itu sebagai batil dan kurniakanlah kami kekuatan untuk menjauhinya serta menghapuskannya. Jangan jadikan yang benar dan batil itu samar-samar bagi kami, yang akan menyebabkan kami sesat. Dan jadikanlah kami pemimpin bagi orang-orang yang bertakwa. Jadikanlah kami dan keturunan kami orang-orang yang *istiqamah* mendirikan solat secara berjemaah serta tekun mengimarahkan masjid. Sesungguhnya hanya kepada-Mu jua Ya Allah, doa kami mohon diperkenan dan diterima.

رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.
 عِبَادَ اللَّهِ،

﴿إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
 يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ﴾

فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ، وَأَسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ، وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.